

KENYATAAN MEDIA

30 Jun 2020

PELAKSANAAN PEMBANGUNAN LADANG MONOKULTUR DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA MEMBIMBANGKAN

Kami daripada Sahabat Alam Malaysia (SAM), Greenpeace Malaysia, Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS) dan PERSATUAN KESEDARAN DAN KEADILAN IKLIM MALAYSIA (KAMY) berasa dukacita apabila Kerajaan Persekutuan dan beberapa Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia masih meneruskan dasar dan meluluskan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur (ladang hutan termasuk ladang Durian 'musang king') dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) pada skala yang besar.

Dasar yang menggalakkan pembangunan ladang monokultur dalam HSK dilaksana ialah Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) bagi menampung keperluan industri berasaskan kayu negara.

Antara negeri-negeri yang giat melaksana pembangunan ladang monokultur dalam HSK dan membimbangkan ialah Kelantan, Perak, Kedah, Pahang dan Terengganu seperti di [lampiran](#).

Pelaksanaan pembangunan ladang monokultur dalam HSK memusnahkan litupan hutan asal (hutan asli) melalui kaedah pengusahaan secara tebang habis.

SAM membantah pelaksanaan pembangunan ladang monokultur dalam HSK kerana menyebabkan fungsi kepelbagaian hayat terjejas.

Malah konsep ladang itu sebenarnya bercanggah dengan konsep hutan dari segi bahasa dan terminologi. Ladang adalah kawasan pertanian secara monokultur berskala besar yang dipenuhi tanaman manakala hutan pula terbentuk secara semula-jadi oleh tumbuh-tumbuhan serta mempunyai kepelbagaian hayat yang tinggi dan melakukan pelbagai fungsi ekologi.

Kami berpendirian, dasar berhubung penggalakan melaksana pembangunan ladang monokultur dalam kawasan HSK perlu dimansuhkan.

Kebiasaannya, justifikasi dan alasan utama sesuatu Pihak Berkuasa Negeri meluluskan projek pembangunan ladang monokultur ialah kerana kawasan yang dikenal-pasti ditakrifkan sebagai hutan miskin atau hutan terosot.

Perlu diketahui bahawa sesuatu kawasan HSK di Malaysia menjadi hutan miskin atau hutan terosot bukan disebabkan oleh faktor semula-jadi tetapi disebabkan oleh faktor manusia terutama kegiatan pencerobohan dan penerokaan haram.

Ini ditambah pula kelemahan pihak berkuasa yang berkenaan yang dilihat gagal melakukan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kegiatan-kegiatan pencerobohan dan penerokaan haram di kawasan HSK.

Berdasarkan kepada pemerhatian dan kajian lapangan SAM sebelum ini, didapati kebanyakan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur dilakukan tanpa kawalan walaupun Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan mengakui mempunyai 'standard and operating procedure' dan diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa berkaitan.

KELANTAN

Paling membimbangkan peningkatan keluasan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur ialah di negeri Kelantan.

Pada tahun 2017, 169,133 hektar atau lebih 27% daripada keluasan HSK di negeri Kelantan yang seluas 613,275 hektar telah dilulus untuk dibangunkan sebagai ladang monokultur terutama ladang hutan (spesies Getah klon balak [TLC]).

Terdapat juga ladang spesies Durian 'Musang King' dalam kawasan HSK di negeri Kelantan seperti di Hutan Simpan Balah (HS Balah) seluas 400 hektar.

Kami telah melakukan pelbagai usaha agar pelaksanaan pembangunan ladang monokultur dalam HSK di negeri Kelantan tidak diteruskan. Antaranya ialah:-

- mengemukakan surat kepada Menteri Besar Kelantan bertarikh 25 Mac 2015; dan
- menemui Timbalan Menteri Besar dan membawa bersama wakil masyarakat Orang Asli serta mengemukakan memorandum bertarikh 1 November 2016.

Tetapi semua yang diusahakan masih tidak mendapat maklum-balas daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Sebaliknya sehingga kini, Pihak Berkuasa Negeri masih meneruskan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur berskala besar dalam kawasan HSK tanpa mengambil kira dan mematuhi kriteria-kriteria tertentu penubuhan ladang hutan yang telah ditetapkan.

Kesan kepada kehidupan masyarakat setempat terutama masyarakat Orang Asli seperti takungan air, penempatan, perkuburan dan kawasan mendapatkan hasil hutan masih terus diganggu dan dimusnahkan oleh syarikat-syarikat yang diberi lesen mengusahasil dan syarikat yang diberi kelulusan melaksanakan pembangunan ladang monokultur dalam HSK di negeri Kelantan.

Kami berharap Pihak Berkuasa Negeri dapat mempertimbang untuk mengheni dan tidak meluluskan lagi pelaksanaan pembangunan ladang monokultur dalam HSK di negeri Kelantan.

PERAK

Beberapa kawasan HSK di negeri Perak yang dikenal-pasti telah diluluskan cadangan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur ialah ladang hutan (spesies Getah klon balak [TLC]) dan ladang spesies Durian 'Musang King'.

Pada tahun 2017, 56,503 hektar atau 5.67% daripada keluasan HSK di negeri Perak yang seluas 995,216 hektar telah dilulus untuk dibangunkan sebagai ladang monokultur terutama ladang hutan (spesies Getah klon balak [TLC]).

Kawasan-kawasan yang dicadangkan tersebut merupakan kawasan tadahan air iaitu di Hutan Simpan Kledang Saiong (HS Kledang Saiong) manakala tiga kawasan di Hutan Simpan Bukit Kinta (HS Bukit Kinta) dan satu kawasan di Hutan Simpan Piah (HS Piah) merupakan kawasan yang melibatkan masyarakat Orang Asli seperti penempatan dan mendapatkan hasil hutan.

Kawasan-kawasan yang dicadangkan tersebut iaitu di HS Kledang Saiong dan HS Bukit Kinta juga merupakan sebahagian daripada kawasan Geopark Lembah Kinta yang sepatutnya dipelihara.

Kawasan yang dikenal-pasti telah dicadangkan untuk tujuan ladang spesies Durian 'Musang King' iaitu di Hutan Simpan Bintang Hijau (HS Bintang Hijau) yang terletak di

Banjaran Bintang Hijau dan Hutan Simpan Belukar Semang (HS Belukar Semang) pula merupakan sebahagian daripada kawasan Rangkaian Ekologi 'Central Forest Spine' (CFS) - PL 8: Hutan Simpan Kendrong (HS Kendrong - HS Bintang Hijau yang sepatut dipelihara.

Rangkaian Ekologi CFS dikenal-pasti oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD Semenanjung Malaysia) bertujuan sebagai koridor dan laluan hidupan liar diantara kompleks hutan yang terpisah.

Sebahagian kawasan yang dikenal-pasti telah dicadangkan untuk tujuan ladang spesies Durian 'Musang King' di HS Bintang Hijau juga merupakan kawasan tadahan air yang sepatutnya dipelihara.

Semasa pertemuan / mesyuarat diantara Menteri Besar dengan pihak SAM pada 19 Februari lalu, salah-satu agenda / perkara yang dikemukakan oleh SAM ialah menggesa Pihak Berkuasa Negeri memberhenti dan tidak melaksanakan lagi pembangunan ladang monokultur dalam HSK.

KEDAH

Beberapa kawasan HSK di negeri Kedah juga dikenal-pasti telah diluluskan cadangan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur iaitu ladang hutan (spesies Getah klon balak [TLC]) dan ladang spesies Durian 'Musang King' seperti di Hutan Simpan Gunung Inas (HS Gunung Inas) dan Hutan Simpan Bukit Enggang (HS Bukit Enggang).

Pada tahun 2017, 9,583 hektar atau 2.80% daripada keluasan HSK di negeri Kedah yang seluas 341,976 hektar telah dilulus untuk dibangunkan sebagai ladang monokultur terutama ladang hutan (spesies Getah klon balak [TLC]).

Projek ladang monokultur di HS Bukit Enggang adalah salah-satu pelaksanaan pembangunan ladang monokultur yang menimbulkan persoalan kerana dilaksana terlebih dahulu tanpa dikemuka dan mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Laporan EIA) sedangkan penggerak projek adalah anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Menteri Besar Kedah (MB Inc).

PAHANG

Pahang adalah negeri yang dilihat tidak mengambil-kira sensitiviti sesuatu kawasan apabila melaksana pembangunan ladang monokultur dalam HSK.

Pada tahun 2017, 104,905 hektar atau 6.72% daripada keluasan HSK di negeri Pahang yang seluas 1,558,898 hektar telah dilulus untuk dibangunkan sebagai ladang monokultur terutama ladang hutan (spesies Getah klon balak [TLC]).

Kebanyakan kawasan pembangunan ladang monokultur dalam HSK adalah berskala terlalu besar iaitu melebihi 1,000 hektar sehingga lebih 9,000 hektar.

Sebagai contoh dua kelulusan projek ladang monokultur di Hutan Simpan Lesung (HS Lesung) iaitu seluas kira-kira 9,946 hektar (Blok C) dan seluas kira-kira 9,988 hektar (Blok B).

Kelulusan keluasan sesuatu kawasan HSK yang terlalu besar untuk tujuan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur, sudah tentu memberi kesan yang amat ketara kepada ekosistem dan persekitaran serta kesan kepada kehidupan masyarakat setempat terutama masyarakat Orang Asli malah juga kepada habitat dan kawasan kelieran hidupan liar.

Pembangunan ladang monokultur dalam HSK di negeri Pahang bukan hanya dilaksana di kompleks hutan CFS sahaja tetapi dilaksana juga di kawasan HSK yang terpisah daripada kompleks hutan CFS seperti di Hutan Simpan Jengka (HS Jengka) seluas kira-kira 1,648.12 hektar.

TERENGGANU

Terengganu juga adalah negeri yang dilihat tidak mengambil-kira sensitiviti sesuatu kawasan apabila hendak melaksana pembangunan ladang monokultur dalam HSK.

Pada tahun 2017, 36,899 hektar atau 0.70% daripada keluasan HSK di negeri Terengganu yang seluas 542,411 hektar telah dilulus untuk dibangunkan sebagai ladang monokultur terutama ladang hutan (spesies Getah klon balak [TLC]).

Tetapi yang membimbangkan ialah pada tahun 2019, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur berskala terlalu besar iaitu seluas kira-kira 5,000 hektar di Hutan Simpan Jerangau (HS Jerangau).

HS Jerangau adalah merupakan salah-satu habitat dan kawasan keliaran Harimau Malaya di pantai timur serta beberapa spesies hidupan liar yang lain.

HS Jerangau juga merupakan sebahagian daripada kawasan Rangkaian Ekologi CFS - PL yang sepatutnya dipelihara bagi tujuan menjamin kelangsungan fungsi koridor CFS.

Malah HS Jerangau kaya dengan pelbagai spesies pokok bernilai komersil dan ada diantaranya disenaraikan dibawah Senarai Merah 'International Union for Conservation of Nature' (IUCN).

Sehingga kini, semua gesaan yang telah dikemuka kepada Pihak Berkuasa Negeri Kelantan dan Perak dan juga kepada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia semasa sesi perbincangan bersama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) pada 26 Mei 2017 agar pelaksanaan pembangunan ladang monokultur dalam HSK tidak dilaksana masih tidak mendapat maklum-balas.

Dasar yang menggalakkan pembangunan ladang monokultur dalam HSK perlu diperhalusi semula dan sebaiknya tidak digalakkan dilaksana dalam HSK.

Kami juga berharap, Pihak Berkuasa Negeri dan pihak-pihak berkuasa berkaitan mematuhi dan mennguna-pakai pelan perancangan fizikal terutama Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), Pelan Induk CFS dan lain-lain dasar / polisi yang berkaitan disamping menguatkuasa peruntukan undang-undang sedia-ada.

Keadaan ini sangat membimbangkan tatkala dunia sedang menghadapi krisis iklim yang menyebabkan cuaca extrem di Malaysia seperti panas kering berpanjangan dan hujan berintensiti tinggi yang telah pun mengakibatkan kemusnahan dan risiko kerugian yang tinggi.

Solusi berteraskan alam sekitar seperti perlindungan dan pemulihan hutan dapat menyumbang lebih dari satu pertiga dari jumlah mitigasi perubahan iklim yang diperlukan pada tahun 2030 untuk memastikan suhu global berada di bawah 2°C. Untuk mencapai komitmen Malaysia dalam Bonn Challenge (2011) dan New York Forest Declaration (2014) dalam pemulih hutan terosot sebanyak 350 juta hektar pada 2030, Malaysia seharusnya menjadikan pemulihan lanskap hutan (FLR) sebagai fokus dalam pengurangan emisi karbon yang berterusan di lanskap hutan, dan pada masa yang sama meningkatkan ekosistem, masyarakat dan ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan iklim. Ladang hutan sebaliknya membebaskan emisi karbon setiap 20-30 tahun.

Perlindungan hutan dengan segera mempunyai kepentingan yang sama seperti pelancaran tenaga boleh diperbaharui iaitu; membantu negara dalam peningkatan komitmen NDC untuk mengekalkan kenaikan suhu dunia pada tahap 1.5 °C.

Transformasi dalam pengurusan hutan kekal boleh menjadi model dalam pembangunan baru dan hak Orang Asli, dan sekaligus meletakkan Malaysia di kedudukan kepimpinan hijau di rantau ini pasca Covid-19.

Sekian.

Kenyataan bersama daripada,

SAHABAT ALAM MALAYSIA (SAM)

GREENPEACE MALAYSIA

PERSATUAN AKTIVIS SAHABAT ALAM (KUASA)

PERTUBUHAN ALAM SEKITAR SEJAHTERA MALAYSIA (GRASS)

PERSATUAN KESEDARAN DAN KEADILAN IKLIM MALAYSIA (KAMY)